



KERTAS DASAR PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH

1. PENGENALAN

- 1.1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), 2015-2025 menetapkan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.
- 1.2 Sistem Penarafan Institusi Pendidikan Tinggi 2017 (SETARA 2017) menilai PPT dalam empat kriteria utama, iaitu Umum, Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan, serta Perkhidmatan dan Penjanaan Pendapatan. Antara perkara yang dinilai dalam Kriteria Pengajaran dan Pembelajaran ialah kualiti graduat, pengantarabangsaan program akademik dan pengiktirafan program akademik.
- 1.3 Pendidikan 4.0, Kementerian Pendidikan Tinggi menekankan kepada program akademik yang menyokong Revolusi Perindustrian 4.0, mengiktiraf pembelajaran sepanjang hayat, berintegrasi industri, hibrid (antara disiplin), menerapkan kemahiran Abad 21, serta mempelbagaikan kaedah penyampaian dan pentaksiran.
- 1.4 UMK perlu kepada dasar yang jelas tentang hala tuju program pengajian prasiswazah.
- 1.5 Hasil daripada Bengkel '*Redesigning Education at UMK*' pada 2-3 Disember 2017, Kertas Dasar Program Akademik Prasiswazah ini disediakan untuk dijadikan rujukan kepada entiti akademik dan bukan akademik dalam membangun program pengajian baharu atau menyemak semula program pengajian yang sedia ada.

Diluluskan oleh
Mesyuarat Senat
Bil. 12/2017 (Kali ke- 103)
18 Disember 2017

.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah

Disahkan benar:

.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

- 1.6 Dasar ini berkuat kuasa pemakaianya mulai 1 Januari 2018 sehingga ia disemak semula pada masa depan.

2. ISU SEMASA

- 2.1 Keadaan dunia yang semakin kompleks dan tidak menentu, tekanan ekonomi global, struktur organisasi yang kerap berubah, ilmu pengetahuan dan kemahiran yang cepat lapuk, perubahan teknologi yang terlalu drastik, kadar automasi yang lebih cepat melalui Revolusi Perindustrian 4.0, dan keperluan penyediaan kerja sendiri yang lebih besar menuntut sistem pendidikan tinggi supaya menyediakan program pengajian dan ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkualiti dan mesra pasaran.
- 2.2 Pasaran kerja yang cepat berubah dan tidak menentu dengan keperluan kemahiran yang turut berubah pada kadar yang tidak dapat dijangka. Secara purata, satu pertiga daripada set kemahiran untuk melakukan kerja sekarang akan menuntut set kemahiran kerja yang baharu sepenuhnya menjelang tahun 2020.
- 2.3 Pelajar perlu kepada pengetahuan dan kemahiran yang pelbagai dan bersifat global untuk bekerja dan hidup dalam persekitaran ekonomi yang semakin mencabar. Tiga Kemahiran Abad 21 yang diperlukan ialah: 1) kemahiran asas untuk membolehkan pelajar mengaplikasi kemahiran dalam tugasannya harian (kemahiran kuantitatif, saintifik, digital/ ict, kewangan, budaya dan sivik); 2) kompetensi untuk membolehkan pelajar menyelesaikan masalah yang sukar (kemahiran pemikiran kritis/ penyelesaian masalah, kreativiti dan inovasi, komunikasi, dan kolaborasi); dan 3) kualiti peribadi untuk membolehkan pelajar menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran (sikap ingin tahu, inisiatif, tekun, keupayaan penyesuaian diri, kepimpinan, kesedaran sosial dan budaya). Kemahiran global (geo-politik, ekonomi, keusahawanan) dan kelestarian pembangunan dan alam sekitar juga dapat melengkapkan kemahiran holistik pelajar.

Diluluskan oleh
Mesyuarat Senat

Bil. 12/2017 (Kali ke- 103)
18 Disember 2017

.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswa

Disahkan benar:

.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

- 2.4 Universiti perlu melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang serta lebih bertanggungjawab kepada keluarga, masyarakat dan alam sekitar.
- 2.5 Universiti perlu memastikan kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi dan melahirkan lebih ramai usahawan siswazah.

3. DASAR DAN AMALAN SEMASA PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH UMK

- 3.1 Program pengajian prasiswazah yang bersifat tradisional, iaitu mono-disiplin dan pengkhususan.
- 3.2 Syarat kemasukan pelajar bergantung sepenuhnya kepada sumber tradisional, iaitu pelajar lulusan STPM, STAM, Matrikulasi, Asasi, Diploma atau kelulusan setaraf.
- 3.3 Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang kurang berorientasi industri.
- 3.4 Kaedah pentaksiran yang bersifat tradisional, iaitu berpaksikan kepada ujian, peperiksaan atau kerja kelas.

4. DASAR DAN HALA TUJU PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH

- 4.1 Selaras dengan perubahan persekitaran dan tuntutan semasa, Fakulti/ Pusat perlu mereka bentuk semula program pengajian prasiswazah yang sedang atau bakal ditawarkan.
- 4.2 Reka bentuk semula atau pindaan program pengajian boleh dibuat dengan mengubah nama program, struktur kurikulum, kursus dalam kurikulum, silibus kursus yang sedia ada, teknik penyampaian, kaedah pentaksiran, syarat kemasukan, kemasukan pelajar dan sistem sokongan.

Diluluskan oleh
Mesyuarat Senat
Bil. 12/2017 (Kali ke- 103)
18 Disember 2017

.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah

Disahkan benar:

.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

- 4.3 Tujuh (7) perkara dasar dan hala tuju program prasiswazah bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang yang telah dikenal pasti ditunjukkan dalam Jadual 1.

5. PENUTUP

- 5.1 Kertas dasar ini mengambil kira isu semasa, keperluan pendidikan tinggi serta dasar dan amalan UMK pada masa kini.
- 5.2 Ia perlu dijadikan bahan rujukan utama kepada entiti akademik dan bukan akademik UMK dalam membangunkan program pengajian baharu atau menyemak semula program pengajian yang sedia ada.

Diluluskan oleh
Mesyuarat Senat
Bil. 12/2017 (Kali ke- 103)
18 Disember 2017


.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswazah

Disahkan benar:


.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

RUJUKAN

Gibb, AA, Hannon, PD (2006) Towards the entrepreneurial university. International Journal of Entrepreneurship Education 4: 73–110.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Alias, R. A. (2017). A Future Ready Curricula for the 4th Industrial Revolution, slaid yang dibentangkan dalam Slide Bengkel Penyelarasan Isu Dasar Operasi Program Akademik Bil.2/2017, Kementerian Pendidikan Tinggi, 19-20 September, Kinrara, Selangor.

Slaid Taklimat Semakan dan Hala Tuju Kurikulum Abad 21 UTM, 2016 (Bahan dibekalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia).

Soffel, 2016, Website Editor, World Economic Forum.

World Economic Forum (2017). Realizing Human Potential in the Fourth Industrial Revolution: An Agenda for Leaders to Shape the Future of Education, Gender and Work, White Paper, Geneva, Switzerland. (<https://www.weforum.org/whitepapers/realizing-human-potential-in-the-fourth-industrial-revolution>, dimuat turun pada 13 Dis. 2017).



Diluluskan oleh
Mesyuarat Senat
Bil. 12/2017 (Kali ke- 103)
18 Disember 2017



.....
Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad,
Dekan Prasiswa

Disahkan benar:


.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

Jadual 1: Dasar dan Hala Tuju Program Pengajian Prasiswazah

BIL	PERKARA	AMALAN SEMASA	HALA TUJU		TANGGUNGJAWAB
			JANGKA PENDEK (< 1 TAHUN)	JANGKA PANJANG (1 - 3 TAHUN)	
1.	Penamaan/ Peng-anugerahan	<ul style="list-style-type: none"> Major Dengan Pengkhususan (Mono disiplin). Single Major (Mono disiplin). 	<ul style="list-style-type: none"> Single Major. Major Dengan Pengkhususan bagi program tertentu sahaja mengikut justifikasi kukuh. 	<ul style="list-style-type: none"> Major-minor. Dwi major. <i>Joint degree/ Dual degree/ Double degree.</i> 	Fakulti / Pusat
2.	Struktur Kurikulum	<ul style="list-style-type: none"> Narrow-based/ terlalu berases disiplin. 	<ul style="list-style-type: none"> Broad-based: Kursus Elektif Bebas. Semua pelajaran mengikut 2 kursus 4IR (1 kredit kursus seminar dan 2 kredit kursus teori). 2u2i, 3u1i/ 3+1, 4u1i bagi program yang sedia ada. 	<ul style="list-style-type: none"> Program Pengajian Umum. Tambah kursus dalam Komponen Kursus Teras Program (selain Kursus Keusahawanan Universiti) atau Komponen Kursus Elektif Bebas. 2u2i, 3u1i/ 3+1, 4u1i program baharu Program 4IR baharu. Rekabentuk kurikulum bukan konvensional (<i>undeclared major, organic</i> dll.). 	<ul style="list-style-type: none"> PBI Fakulti/pusat berkewajiman
3.	Teknik Penyampaian	<ul style="list-style-type: none"> Tradisional + e-learning. 	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan Teknologi 4IR. Work-based learning. Experiential learning approach. Situated learning. Anchored learning. MOOC. 	<ul style="list-style-type: none"> Heturogogy (self-determined learning). Peerogy (peer instructed learning). Cybergogy (online learning). Open Direct Distance Learning (ODL). 	<ul style="list-style-type: none"> Fakulti/Pusat PPP CCI dan AIBIG UMKCEE
4.	Kaedah Pentaksiran	<ul style="list-style-type: none"> Cenderung kepada pentaksiran tradisional. 	<ul style="list-style-type: none"> ICGPA. RPEL (Recognition of Prior Experiential Learning). Pentaksiran alternatif (pentaksiran berasaskan persembahan, pentaksiran sahih/authentic, pentaksiran berasaskan portfolio, pentaksiran berdasarkan projek dll). 	<ul style="list-style-type: none"> APEL (C). 	<ul style="list-style-type: none"> Fakulti/Pusat PPP UMKCEE
Disahkan benar:			 Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad, Dekan Prasiswazah		
Diluluskan oleh			 Prof. Dr. Hassan bin Mohd. Osman Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)		
Mesyuarat Senat			Bil. 12/2017 (Kali ke- 103) 18 Disember 2017		

5.	Syarat Kemasukan	Tradisional: • STPM. • Matrikulasi. • Diploma. • STAM.	• + APEL (A).	• + Pra Ijazah.	UMKCEE/ Fakulti/ Pusat
6.	Kemasukan Pelajar	Sistem UPU. • Promosi. • Pengambilan pelajar bagi Semester Sesi Februari.	<ul style="list-style-type: none"> Sistem pelajar cari pelajar Duta promosi (pelajar antarabangsa) di Negara China (Shila Amzah). Feeder sistem melalui MoU (Politeknik, Kolej Polytech MARA, Kolej Komuniti). Promosi di billboard seluruh Malaysia. Program Kenali UMK kepada pelajar luar (STPM, STAM, Matrikulasi, Diploma). Penulisan Artikel oleh Pensyarah UMK kepada pihak Media Massa, Promosi berbayar di Media Sosial. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan pensyarah antarabangsa UMK sebagai duta bagi mendapatkan pelajar. MoU dengan Universiti Antarabangsa. Kerjasama melalui Kedutaan Malaysia. 	Fakulti/ Pusat Unit Promosi
7.	Sistem Sokongan	<p>a. Fizikal</p> <ul style="list-style-type: none"> Terdapat bilik kuliahan tradisional sahaja. Makmal/ Bengkel tidak mencukupi. Peralatan yang tidak terkini. Kekurangan Prasarana. <p>b. Bukan Fizikal</p> <ul style="list-style-type: none"> Staf sokongan kurang kompeten kerana kekerapan pertukaran. Kelemahan sistem pengurusan kualiti P&P. Ketidadaan sistem sokongan penyediaan dokumen program akademik. Kaedah pembayaran yuran yang terhad. 	<p>a. Fizikal</p> <ul style="list-style-type: none"> Smart Classroom. Tambah makmal/bengkel. Tambah peralatan yang terkini. Prasarana yang kondusif. <p>b. Non Fizikal</p> <ul style="list-style-type: none"> Pelan Kompetensi dan Penggantian Staf. Latihan dan pendedahan. Tambah baik sistem pengurusan kualiti P&P (Fail Kursus & Fail Program). Unit sokongan bagi penyediaan dokumen program Akademik, khususnya keperluan butiran umum dokumen kualiti. Sistem pembayaran yuran pelbagai cara (bank, cek, kad kredit,tunai, secara online,Paypal dan lain-lain). 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak Berkendalian Pej. PNC PIPA Fakulti Pej. Bendahari 	 Disahkan benar: Prof. Dr. Mohd Rostibin Mohamad, Dekan Praswazah

Diluluskan oleh
Mesyuarat Senat
Bil. 12/2017 (Kali ke- 103)
18 Disember 2017

.....
Prof. Dr. Mohd Rostibin Mohamad,
Dekan Praswazah

.....
Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)